

12/08/2002

UIA anjur sidang Dinar Islam

UNIVERSITI Islam Antarabangsa (UIA) akan menganjurkan satu persidangan antarabangsa mengenai Dinar Islam dan rasional pelaksanaannya.

Kira-kira 250 peserta dari seluruh dunia itu akan mengambil bahagian dalam persidangan dua hari itu, mulai 19 Ogos ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ia akan dirasmikan Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bagi mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

UIA dalam kenyataannya berkata, Nor Mohamed yang pernah memainkan fungsi utama membangunkan sistem perbankan Islam di Malaysia, akan turut membentangkan kertas kerja khas bertajuk 'Sistem Kewangan Global Yang Stabil dan Kukuh: Matlamat Terhadap Dinar Emas' pada hari pertama persidangan itu.

Selain itu, beberapa penceramah terkemuka antarabangsa akan turut menyumbang idea masing-masing dalam persidangan berkenaan.

Mereka termasuk Tarek e-Diwany, penulis buku bertajuk 'Masalah Minat', Profesor Masudud Alam Choudhury juga penulis buku bertajuk 'Wang Dalam Islam' dan penulis buku 'Masa Depan Wang' Dr Bernard Lietaer dari University of California, Berkeley.

Selain itu, Dr Umar Ibrahim Vadillo dari e-dinar Ltd, Labuan, Pengerusi Jawatankuasa Kristian Keadilan Kewangan dari Britain dan Ketua Parti Islam Britain, David Musa Pidcock akan turut mengemukakan hujah masing-masing di persidangan itu nanti.

UIA berkata, persidangan itu bertujuan menyatukan pelbagai pendapat daripada pelbagai pihak mengenai Dinar Islam serta sistem kewangan dalam perspektif Islam.

"Walaupun isu mengenai Dinar Islam akan menjadi topik utama, perbincangan tidak akan terhad kepada perkara berkenaan saja, malah turut membincangkan mengenai isu kewangan Islam secara keseluruhannya," jelasnya.

Cadangan penggunaan Dinar Emas sebagai mata wang perdagangan antarabangsa dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai mata wang pilihan dalam pembayaran sekali gus mengelakkan mata wang digunakan sebagai komoditi yang diperniagakan sehingga menjejaskan ekonomi sesebuah negara seperti yang berlaku ketika krisis kewangan pada 1997/1998.

Sebarang pertanyaan mengenai persidangan itu boleh dikemukakan kepada Sekretariat Persidangan, Kuliah Ekonomi dan Sains Perniagaan, UIA di talian 03-20564657 atau 20564758 atau di laman web dinar2002@iiu.-edu.my atau <http://dinar2002.cjb.net/>